

**HEBAHAN KEKOSONGAN JAWATAN DI ISLAMIC WORLD EDUCATIONAL,
SCIENTIFIC AND CULTURAL ORGANIZATION (ICESCO), RABAT, MAGHRIBI**

- i). KETUA SEKTOR KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN; DAN**
- ii). KETUA SEKTOR KERJASAMA ANTARABANGSA.**

1. Syarat permohonan

- i. Mempunyai sekurang-kurangnya:
 - a) Ijazah Kedoktoran dalam bidang komunikasi atau kebudayaan (jawatan ketua sektor komunikasi dan kebudayaan); dan
 - b) Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran dalam bidang berkaitan (jawatan ketua sektor kerjasama antarabangsa);
- ii. Pernah menjalankan penyelidikan dan menerbitkan artikel dalam bidang kebudayaan (jawatan ketua sektor komunikasi dan kebudayaan);
- iii. Mempunyai sekurang-kurangnya setahun pengalaman antarabangsa serta lapan tahun pengalaman dalam pembangunan dasar dan program kebudayaan (jawatan ketua sektor komunikasi dan kebudayaan);
- iv. Mempunyai sekurang-kurangnya setahun pengalaman antarabangsa serta lapan tahun pengalaman dalam pembangunan dasar dan program kerjasama antarabangsa (jawatan ketua sektor kerjasama antarabangsa);
- v. Mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi dan berupaya membuat keputusan untuk kepentingan organisasi serta komited dengan sesuatu tugas yang diamanahkan;
- vi. Bebas daripada kesalahan jenayah dan tindakan tatatertib;
- vii. Mempunyai purata markah Laporan Nilaiian Prestasi Tahunan (LNPT) untuk tiga (3) tahun terakhir adalah 85% ke atas (2017-2019), sekiranya merupakan penjawat awam;
- viii. Diperakukan oleh Ketua Jabatan, sekiranya merupakan penjawat awam;
- ix. Boleh bekerja di dalam persekitaran yang berbilang budaya serta boleh berinteraksi secara efektif dengan pelbagai pihak berkepentingan (*stakeholders*) sama ada di dalam atau di luar organisasi;
- x. Mempunyai kemahiran analitikal dan penulisan yang baik;

- xi. Mempunyai kemahiran IT yang baik; dan
- xii. Fasih bertutur dan menulis dalam sekurang-kurangnya dua bahasa ICESCO (Inggeris, Arab dan Perancis).

2. Cara permohonan

- i. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan *resume / curriculum vitae* dalam bahasa Inggeris dan salinan sijil / dokumen sokongan yang telah disahkan dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang ditulis dengan jelas perkataan “**PERMOHONAN JAWATAN ICESCO**” pada penjurua atas kanan sampul;
- ii. Dokumen-dokumen tersebut perlu dihantar menerusi Ketua Jabatan sekiranya merupakan penjawat awam, melalui e-mel isesco.malaysia@moe.gov.my atau ke alamat di bawah:

**Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa/
Malaysian National Point of Contact for ICESCO
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 7, Blok E8, Kompleks E
62604 PUTRAJAYA
(u.p.:Sektor Pelbagai Hala)**

- iii. Tarikh penerimaan permohonan adalah selewat-lewatnya pada **11 September 2020 (Jumaat)**;
- iv. Borang permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat tidak akan diproses;
- v. Deskripsi tugas serta keistimewaan jawatan yang ditawarkan boleh diperolehi di pautan <https://www.icesco.org/en/our-latest-offers/>; dan
- vi. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut, calon-calon yang berminat boleh berhubung dengan *Malaysian National Point of Contact for ICESCO* di alamat emel isesco.malaysia@moe.gov.my atau talian +603 8884 6262.